



ADAB-ADAB

# BERBUKA BERPUASA

MENURUT SUNNAH



Pengarang:  
**SAHIBUS SAMAHAH PROF. MADYA DATO' ARIF PERKASA**  
**DR. MOHD ASRI BIN ZAINUL ABIDIN**



ADAB-ADAB

# **BERBUKA BERPUASA MENURUT SUNNAH**



أَن رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَعَدَ الْمِنْبَرَ فَقَالَ : أَمِينٌ ، أَمِينٌ ، أَمِينٌ . قِيلَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ! إِنِّي صَعَدَتِ الْمِنْبَرَ فَقَلْتَ : أَمِينٌ ، أَمِينٌ ، أَمِينٌ ؟ فَقَالَ : إِنَّ جَبَرِيلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ أَتَانِي فَقَالَ : مَنْ أَدْرَكَ شَهْرَ رَمَضَانَ ، فَلَمْ يُغْفِرْ لَهُ ، فَدَخَلَ النَّارَ ؛ فَأَبْعَدَهُ اللَّهُ ، قُلْنَ : أَمِينٌ ، فَقَلْتُ : أَمِينٌ ، وَمَنْ أَدْرَكَ أَبْوَيْهِ أَوْ أَحْدَهُمَا ، فَلَمْ يَبْرَهُمَا ، فَمَاتَ ، فَدَخَلَ النَّارَ ؛ فَأَبْعَدَهُ اللَّهُ ، قُلْنَ : أَمِينٌ . فَقَلْتُ : أَمِينٌ ، وَمَنْ ذُكِرْتُ عِنْدَهُ ، فَلَمْ يُصْلَّى عَلَيْكَ ، فَمَاتَ ، فَدَخَلَ النَّارَ ؛ فَأَبْعَدَهُ اللَّهُ ، قَلْ : أَمِينٌ . فَقَلْتُ : أَمِينٌ

Abu Hurairah RA meriwayatkan dalam Sahih Ibnu Hibban:

“Bahwa Nabi SAW telah menaiki mimbar lalu bersabda, “Amin. Amin. Amin”. Baginda pun ditanya, “Wahai Rasulullah SAW, sesungguhnya engkau telah menaiki mimbar lalu mengucapkan Amin. Amin. Amin?”

Sabda Baginda SAW, “Sesungguhnya Jibril AS telah datang kepadaku dan berkata, “Sesiapa yang berkesempatan bertemu Ramadan, tetapi tidak diampunkan dosa-dosanya, maka dia akan masuk neraka dan Allah menjauhkannya (dari rahmatNya), ucapkanlah (Wahai Muhammad), ‘Amin’, maka saya pun mengucapkan ‘Amin’.

Sesiapa yang sempat bersama ibu bapanya atau salah seorang daripada keduanya tetapi tidak melakukan kebajikan kepada keduanya kemudiannya dia mati, maka dia akan masuk neraka dan Allah menjauhkannya (dari rahmat-Nya), ucapkanlah (Wahai Muhammad), ‘Amin’, maka saya pun mengucapkan ‘Amin’. Sesiapa yang disebut di sisinya namamu tetapi tidak mengucapkan selawat ke atasmu kemudiannya dia mati, maka dia akan masuk neraka dan Allah menjauhkannya (dari rahmat-Nya), ucapkanlah (Wahai Muhammad), ‘Amin’, maka saya pun mengucapkan ‘Amin’.

(Dinilai sahih oleh al-Albani dalam Sahih al-Targhib )

Cetakan: Syaaban 1437/May 2016

Karya asal:

SS Dato' Arif Perkasa

Prof. Madya Dr. Mohd Asri Bin Zainul Abidin

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Mufti Negeri Perlis



Adab-adab berhubung dengan ibadah mestilah merujuk kepada tunjuk ajar Allah SWT dan Rasulullah SAW iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah. Ada sesetengah pihak yang cenderung untuk mencipta adab-adab ibadah tanpa merujuk kepada kedua-dua sumber agung itu. Misalnya, dakwaan yang menyatakan makruh mandi kerap atau mandi ketika hampir waktu berbuka. Ini kerana ia boleh mengurangkan keletihan dan sekaligus menghilangkan kelebihan puasa.

Namun begitu, dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Imam Malik di dalam al-Muwatta', Ahmad dan Abu Daud di dalam sunannya menerangkan sebaliknya.

Menurut Abu Bakar bin Abdul Rahman, seorang sahabat Nabi SAW telah menceritakan kepadanya:

لَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْعَرْجِ يَصْبِبُ  
الْمَاءَ عَلَى رَأْسِهِ مِنَ الْعَطَشِ أَوْ مِنَ الْحَرَّ

**Maksudnya:** “Aku melihat Rasulullah SAW di al-'Arj (nama tempat). Baginda mencurahkan air ke atas kepala ketika berpuasa disebabkan dahaga atau panas.”

Berdasarkan hadis ini, Ibn Qudamah al-Maqdisi (meninggal 620H) menyatakan:

“Tidak mengapa seseorang mencurahkan air ke atas kepalanya (ketika berpuasa) disebabkan panas atau dahaga kerana diriwayatkan oleh sebahagian sahabah



bahawa mereka melihat Rasulullah SAW di al-`Arj (nama tempat) mencerahkan air ke atas kepala baginda ketika baginda berpuasa disebabkan dahaga atau panas.” – Rujuk Kitab al-Mughni, karya Ibn Qudamah al-Maqdisi, jld. 2, ms. 18, cetakan Dar al-Fikr, Beirut.

Apa yang penting dalam bulan Ramadan ini ialah adab-adab berkaitan dengan ibadah puasa mestilah mempunyai asas yang boleh dipegang, iaitu Al-Quran atau Al-Sunnah. Antara adab-adab berbuka puasa yang dinyatakan di dalam hadis ialah:

## **PERTAMA**

“Segera berbuka apabila masuk waktu atau disebut sebagai ta’jil al-iftar.”

Ini berdasarkan hadis-hadis yang menyebut perkara ini, antaranya:

Menurut Sahl bin Sa`d RA, Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَرَانَ النَّاسُ بِخَيْرٍ مَا عَجَلُوا الْفِطْرَ

**Maksudnya:** *“Manusia sentiasa dalam kebaikan selagi mereka menyegerakan berbuka puasa.” –Hadis riwayat al-Bukhari dan muslim.*

Hadis ini menerangkan bahawa punca kebaikan dalam agama ialah mengikut sunnah Nabi SAW. Baginda menyegerakan berbuka puasa. Ini menolak dakwaan ajaran-ajaran karut yang kononnya melewatkannya berbuka menambah pahala. Menurut al-Tibi RH (meninggal 743H): “Barangkali sebab Allah menyukai mereka yang segera berbuka puasa ialah kerana apabila seseorang berbuka puasa sebelum solat, ia membolehkan dia menunaikan solat dengan dihadirkan hati (khusyuk). Selain itu, ia menyanggahi ahli bida`ah yang berpendapat wajib melewatkannya.” –Rujuk Kitab Syarh Mishkat al-Masabih, karya al-Tibi, jld. 4, ms. 183, cetakan Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, Beirut.



## KEDUA

“Berbuka puasa dengan rutab atau tamar atau air.”



Rutab ialah buah kurma yang telah masak sebelum menjadi tamar yang kering, ianya lembut dan manis. Tamar pula ialah buah kurma yang sudah kering.

Rujuk al-Mu'jam al-Wasit, jld. 1, ms. 88.

Sekarang di negara kita rutab sudah mula dikenali. Ia merupakan kurma yang masak, masih belum kering dan belum mengecut, ia dipanggil tamar.

Anas bin Malik RA berkata:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُفْطِرُ قَبْلَ أَنْ يُصَلِّيَ عَلَى رُطَبَاتٍ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ رُطَبَاتٌ فَتَمَيِّرَاتٌ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَمَيِّرَاتٌ حَسَا حَسَوَاتٍ مِنْ مَاءٍ

**Maksudnya:**

“Rasulullah SAW berbuka puasa sebelum bersolat dengan beberapa biji rutab. Sekiranya tiada rutab, maka baginda berbuka dengan beberapa biji tamar dan sekiranya tiada tamar, maka baginda meneguk beberapa teguk air.” –Hadis riwayat Ahmad dan al-Tirmizi. Menurut beliau, hadis ini



hasan. *Diya' al-Maqdisi* (meninggal 643H) telah mensahihkan hadis ini. Rujuk *al-Ahadith al-Mukhtarah*, jld. 4, ms. 411, cetakan: *Maktabah al-Nahdah al-Hadithah*, Mekah.

Inilah tertib yang dilakukan oleh baginda. Pilihan pertama ialah rutab. Jika tiada rutab, baginda berbuka dengan tamar dan jika tiada tamar, baginda hanya meneguk air. Menurut al-Mubarafuri (meninggal 1353H):

“Hadis ini menjadi dalil disunatkan berbuka puasa dengan rutab. Sekiranya tiada, maka berbuka dengan tamar dan sekiranya tiada, maka dengan meneguk air... Adapun pendapat yang menyatakan apabila berada di Mekah, sunat mendahuluikan air zam-zam sebelum tamar, atau mencampurkan tamar dengan air zam-zam adalah ditolak.

Ini kerana ia menyanggahi sunnah. Nabi SAW banyak berpuasa (di Mekah) pada tahun pembukaan Kota Mekah. Namun, tidak pernah diriwayatkan baginda menyalahi adat kebiasaannya mendahuluikan tamar sebelum air.” – Rujuk *Kitab Tuhfah al-Ahwazi*, karya al-Mubarafuri, jld. 3, ms. 311, cetakan Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut.

Di samping itu, dakwaan sunat berbuka dengan buah-buahan yang lain jika tiada tamar juga tidak mempunyai sebarang dalil daripada sunnah Nabi SAW.

## KETIGA

“Menyeferakan solat Maghrib selepas berbuka dengan tamar atau air sekiranya makanan belum dihidangkan.

Hadis yang kita nyatakan sebelum ini menunjukkan baginda Nabi SAW berbuka dengan rutab atau tamar atau air sebelum menunaikan solat Maghrib. Oleh itu, kita juga disunatkan mengikut perbuatan tersebut iaitu terus menunaikan solat sejurus selepas berbuka dengan makanan-makanan tadi. Ini sekiranya makanan belum



dihadangkan. Jika makanan telah terhidang di depan mata, maka makruh meninggalkan makanan untuk menunaikan solat. Ini berdasarkan apa yang dinyatakan dalam hadis-hadis Nabi SAW.

Menurut Anas bin Malik RA, Rasulullah SAW pernah bersabda:

إِذَا قُدِّمَ الْعَشَاءُ فَابْدُءُوا بِهِ قَبْلَ أَنْ تُصَلِّوَا صَلَاتَةَ الْمَغْرِبِ  
وَلَا تَعْجَلُوا عَنْ عَشَائِكُمْ

**Maksudnya:** “Apabila telah dihidangkan makan malam, maka mulakanlah dengannya sebelum kamu menunaikan solat Maghrib dan janganlah kamu tergopoh-gapah ketika makan malam.” –Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Dalam hadis yang lain daripada Abdullah bin Umar RA, baginda SAW bersabda:

إِذَا وُضِعَ عَشَاءُ أَحَدِكُمْ وَأَقِمَتِ الصَّلَاةُ فَابْدُءُوا بِالْعَشَاءِ  
وَلَا يَعْجَلْ حَتَّى يَفْرُغَ مِنْهُ

**Maksudnya:** “Apabila dihidangkan makan malam untuk kamu sedangkan solat (berjemaah) telah didirikan, maka mulakanlah dengan makan malam. Janganlah seseorang itu tergopoh-gapah hingga dia selesai makan.” –Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Dalam hadis yang sama, dinyatakan bahawa:

وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يُوَضِّعُ لَهُ اطْعَامٌ وَتَقَامُ الصَّلَاةُ يَأْتِهَا حَتَّى  
يَفْرُغَ وَإِنَّهُ لَيَسْمَعُ قِرَاءَةَ إِلَمَامٍ



## Maksudnya:

*Ibn Umar RA apabila dihidangkan makanan untuknya ketika solat didirikan, beliau tidak mendatangi solat hingga beliau selesai makan sedangkan beliau mendengar bacaan imam.”*

Meninggalkan makanan ketika lapar atau ketika mempunyai keinginan yang kuat untuk menjamahnya boleh menghilangkan khusyuk dalam solat. Ini disebabkan ingatan terhadap makanan tersebut. Oleh itu, para ulama menyatakan hukum makruh bersolat jika makanan terhidang di depan mata. Menurut al-Nawawi RH (meninggal 676H):

“Hadis-hadis tersebut menyatakan hukum makruh bersolat apabila makanan yang hendak dimakan telah terhidang kerana ia boleh mengganggu hati dan menghilangkan kesempurnaan khusyuk.” –Rujuk Syarh Sahih Muslim, karya al-Nawawi, jld. 4, ms. 208, cetakan: Dar al-Khair, Beirut.

Sebenarnya perbuatan mendahulukan makanan yang dihidang sebelum menunaikan solat bukan sahaja disunatkan untuk makan malam atau solat Maghrib, bahkan sunnah ini meliputi semua solat dan waktu makan kerana dibimbangi menghilangkan khusyuk. Ini sekiranya makanan telah terhidang di depan mata. Al-Munawi (meninggal 1031H) pula menyebut:

“Hadis tersebut menyatakan hendaklah didahulukan makan malam sebelum solat Maghrib. Namun ia juga dilakukan pada solat-solat yang lain. Ini kerana punca arahan ini ialah bimbang hilangnya khusyuk.” –Rujuk Faidh al\_qadir, karya al-Munawi, jld. 1, ms. 295, cetakan: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra, Mesir.

Malangnya, ada diantara kita yang kurang faham lalu mereka menyatakan jika azan sudah berkumandang, hidangan dan makanan hendaklah ditinggalkan demi mengutamakan solat berjemaah. Inilah kedangkalan



dalam meneliti hadis-hadis Nabi SAW. Mereka ini mengandaikan agama dengan emosi. Adapun sekiranya makanan belum terhidang atau keinginan terhadap makanan tiada, maka tidaklah makruh untuk terus menunaikan solat.

Suruhan mendahulukan makan sebelum bersolat bukanlah kita disuruh mementingkan makanan melebihi solat. Sebaliknya, tujuan arahan Nabi SAW adalah untuk memastikan kesempurnaan solat. Al-Imam Ibn Hajar al-'Asqalani (meninggal 852H) telah memetik ungkapan Ibn Jauzi (meninggal 597H):

"Ada orang yang menyangka bahawa mendahulukan makan sebelum solat termasuk dalam bab mendahulukan hak hamba ke atas hak Tuhan. Sebenarnya bukan demikian. Ia bertujuan menjaga hak Allah agar makhluk melakukan ibadahnya dengan penuh tumpuan. Sesungguhnya makanan mereka (para sahabah) adalah sedikit dan tidak menghalang mereka daripada mengikuti solat berjemaah." –Rujuk Fath al-Bari, karya Ibn Hajar al-'Asqalani, jld. 2, ms. 385, cetakan Dar al-Fikr, Beirut.

## KEEMPAT

"Makan dengan kadar yang tidak berlebihan ketika berbuka."

Perbuatan ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

وَكُلُوا وَاشْرِبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا تُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

**Maksudnya:**

*"Makan dan minumlah kamu. Jangan kamu berlebih-lebihan. Sesungguhnya Dia tidak sukaan orang yang berlebih-lebihan." –Surah al-'Araf: 31.*



Menurut Miqdam bin Ma'di Karib RA, Nabi SAW bersabda:

مَا مَلَأَ آدَمِيٌّ وِعَاءً شَرَّاً مِنْ بَطْنٍ بِخَسْبِ ابْنِ آدَمَ أَكْلًا تُ  
يُقِمْنَ صُلْبَهُ فَإِنْ كَانَ لَا مَحَالَةَ فَثُلُثٌ لِطَعَامِهِ وَثُلُثٌ  
لِشَرَابِهِ وَثُلُثٌ لِنَفَسِهِ

**Maksudnya:**

*"Anak adam itu tidak memenuhi suatu bekas yang lebih buruk daripada perutnya. Cukuplah bagi anak Adam itu beberapa suapan yang dapat meluruskan tulang belakangnya (memberikan kekuatan kepadanya). Sekiranya dia tidak dapat (berbuat demikian), maka satu per tiga untuk makanan, satu per tiga untuk minuman dan satu per tiga untuk pernafasan."*  
*–Hadis riwayat al-Tirmizi. Menurut beliau, hadis ini hasan sahih. Al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani dalam Fath al-Bari pula menyatakan hadis ini hasan.*

Hadis ini telah disalah fahami oleh sesetengah pihak. Mereka menyangka Nabi SAW menyuruh umatnya apabila makan, hendaklah memperuntukkan satu per tiga untuk makanan, satu per tiga untuk minuman dan satu per tiga untuk pernafasan. Sebenarnya, jika diteliti, hadis ini bukan bermaksud demikian. Pembahagian tersebut merujuk kepada had maksima. Seelok-eloknya dikurangkan daripada had tersebut.

Oleh itu Nabi SAW menyatakan jika tidak mampu, maka seseorang perlu makan dan minum dengan tidak melebihi had pembahagian tadi. Namun, yang lebih digalakkan ialah makan dan minum dengan kadar yang dapat memberi tenaga.



## KELIMA

“Berdoa ketika berbuka.”

Perbuatan ini berdasarkan hadis Nabi SAW. Menurut Abdullah bin ‘Amru bin al-‘As RA, Nabi SAW bersabda:



إِنَّ لِلصَّائِمِ عِنْدَ فِطْرِهِ لَدَعْوَةً مَا تُرْدُ

**Maksudnya:**

*“Sesungguhnya bagi orang berpuasa itu doa yang tidak ditolak ketika dia berbuka.” –Hadis riwayat Ibn Majah. Sanadnya pada nilaian hasan dan ke atas. Ishaq bin Abdullah al-Madani disiqahkan oleh Abu Zu’rah dan disebut saduq oleh al-Zahabi dalam al-Kasyif.*

Oleh itu, kita boleh berdoa dengan apa sahaja doa yang kita hajati. Doa orang yang berpuasa makbul kerana jiwanya telah dibersihkan daripada kotoran dosa dan syahwat. Justeru, al-Munawi menyebut:

“Hadis di atas hanya untuk sesiapa yang telah menunaikan tanggungjawab berpuasa dengan menjaga lidah, hati dan anggota.” –Rujuk Faidh al-Qadir, karya al-Munawi, jld. 2, ms. 500.

Terdapat doa yang dianjurkan oleh Nabi SAW ketika berbuka dan kita disunatkan membacanya. Menurut Ibn Umar RA, Rasulullah SAW apabila berbuka, baginda membaca:

ذَهَبَ الظَّمَآنُ وَابْتَلَتِ الْعُرُوقُ وَثَبَتَ الْأَجْرُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ

**Maksudnya:**

*“Telah hilang dahaga, telah basah peluh (hilang kekeringan) dan telah tetap pahala, insyaAllah.” –Hadis riwayat Abu Daud. Sanadnya hasan.*



Namun, setiap yang menunaikan puasa dengan sepenuhnya hendaklah memperbanyakkan doa bagi merebut peluang doa makbul ketika berbuka.

## KEENAM

“Berdoa kepada orang yang menjamu kita berbuka.”

Menurut Anas bin Malik RA, Nabi SAW pernah datang ke (rumah) Sa’ad bin ‘ubadah. Dia menghidangkan roti dan minyak. Baginda lalu makan dan membaca:

أَفْطَرَ عِنْدَكُمُ الصَّيَّمُونَ وَأَكَلَ طَعَامَكُمُ الْأَبْرَارُ وَصَلَّتْ  
عَلَيْكُمُ الْمَلَائِكَةُ

### Maksudnya:

“Telah berbuka puasa di sisi kamu mereka yang berpuasa, telah makan makanan kamu mereka yang baik dan telah berselawat ke atas kamu para malaikat.” –Hadis riwayat Abu Daud. Diya’ al-Maqdisi dalam al-Ahadith al-Mukhtarah, karya Diya’ al-Maqdisi, jld. 5, ms. 158.

Oleh itu, berdoalah kepada mereka yang menjamu kita berbuka puasa. Ini merupakan adab yang sangat baik.

Demikianlah antara adab-adab yang terkandung dalam sunnah Nabi SAW ketika berpuasa. Semoga dengan mengamalkan adab-adab ini dapat menambahkan lagi pahala puasa kita.



## PAHALA ORANG YANG MEMBERI MAKAN ORANG BERBUKA

Nabi SAW bersabda:

من فطر صائمًا كان له مثل أجره، غير أنه لا ينقص من أجر الصائم شيئاً

**Maksudnya:**

“Sesiapa yang memberi makan orang yang berpuasa, untuknya pahala seperti orang yang berpuasa, dan tidak dikurangkan pahala orang yang berpuasa itu sedikitpun.”  
(Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Sahih al-Tirmizi)



ADAB-ADAB  
**BERBUKA  
BERPUASA**  
MENURUT SUNNAH



**JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS**

Tingkat 1, Blok A,  
Bangunan Dato' Mahmud Mat,  
01000 Kangar, Perlis.

- 📞 (04) 979 4428
- 📠 (04) 976 3844
- 🌐 [muftiperlis.gov.my](http://muftiperlis.gov.my)



**MAJLIS AGAMA ISLAM &  
ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS**

No A2, Taman Pengkalan Asam,  
Jalan Tuanku Syed Putra,  
01000 Kangar, Perlis.

- 📞 (04) 979 4439
- 📠 (04) 978 2400
- 🌐 [www.maips.gov.my](http://www.maips.gov.my)